

Hubungan antara pendedahan gempa bumi, peritraumatik distres, peritraumatik disosiatif ke atas trauma mangsa remaja gempa bumi di Ranau, Sabah

ABSTRAK

Gempa bumi merupakan fenomena yang memberi kesan besar ke atas penduduk terutamanya di kawasan kawasan yang berhampiran dengan bencana gempa bumi. Pada 5 Jun 2015, gempa bumi sederhana yang bermagnitu d 5.9 pada skala Ritcher telah mengejutkan penduduk Ranau, Sabah pada 7.15 pagi. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan kejadian gempa bumi ke atas remaja. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik iaitu Earthqua ke Exposure Index (EEI), Peritraumtic Distress Index (PDI), Peritraumatic Dissociative Experience Questionnaire (PDEQ) dan trauma. Sampel kajian terdiri daripada seramai 137 orang pelajar tingkatan dua dan empat di sekitar Ranau, Sabah. Kajian ini bertujuan untuk melihat pendedahan, peritraumatik distres, peritraumatik disosiatif serta trauma mangsa remaja di Sabah. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pendedahan gempa bumi, peritraumatik distres, peritraumatik di sosiatif dan trauma. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mencadangkan hasil kajian boleh memberi manfaat kepada mangsa, pihak kerajaan, ahli psikologi dan guru kaunselor.